



**SURAT PEMBERITAHUAN  
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)**

**Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.**

**PENGAWAL KESELAMATAN TINGKAT III (E.1-2-3 EB.4)  
JABATAN KESELAMATAN DALAM NEGERI  
JABATAN PERDANA MENTERI  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

**Syarat-Syarat Am:**

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**1. PENGAWAL KESELAMATAN TINGKAT III  
JABATAN KESELAMATAN DALAM NEGERI  
JABATAN PERDANA MENTERI  
E.1-2-3 EB.4 (\$515 - \$875 SEBULAN)  
KEKOSONGAN = LIMA (05)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

- a) i) Lulus Penilaian Menengah Bawah (PMB) atau sebanding.

**ATAU**

- ii) Telah berkhidmat di Jabatan Keselamatan Dalam Negeri sebagai Pengawal Keselamatan Rendah atau jawatan yang sebanding sekurang-kurangnya dalam tangga gaji F.1 tidak kurang dari 3 tahun serta lulus peperiksaan Jabatan dan telah ditetapkan dalam jawatan.

**ATAU**

- iii) Telah berkhidmat dengan Pasukan Keselamatan seperti Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) dan sebagainya tidak kurang dari 3 tahun.

**ATAU**

- iv) Mempunyai pengalaman dan kemahiran yang istimewa dalam hal-hal yang berkaitan dengan kawalan keselamatan.

- b) Pemohon adalah lelaki sahaja.

- c) Berumur diantara 18 hingga 35 tahun (bagi pengambilan baru).

- d) Bagi calon-calon yang baru dilantik mestilah tidak memakai kaca mata / kanta lekap lebih 100 Degree.

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Melakukan tugas-tugas Kawalan Keselamatan yang melibatkan:-

- i) Catatan;
- ii) Kawalan;
- iii) Pemeriksaan;
- iv) Pengawasan;
- v) Perhubungan; dan
- vi) Rondaan.



2. Mengawal dan menjaga mana-mana orang atau benda yang diarahkan dan menyelamatkan sewaktu kejadian kecemasan;
3. Menahan mana-mana orang dan benda yang melanggar atau cuba melanggar peraturan dan keselamatan yang berkuatkuasa;
4. Membantu mengendalikan 'Security Pass';
5. Membantu tugas-tugas kawalan trafik di kawasan yang dikawal;
6. Membantu Pengawal-Pengawal Keselamatan lain menjalankan tugas-tugas mereka apabila dikehendaki; dan
7. Menjalankan sebarang tugas-tugas lain yang berkaitan dengan keselamatan dan *safety*.